

KKLW Pastikan Masyarakat Luar Bandar Nikmati Manfaat Bajet 2015
Bernama
Oct 16, 2014

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan memastikan peruntukkan Bajet 2015 dimanfaatkan sebaik mungkin demi kesejahteraan serta memacu ekonomi masyarakat luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak.

Menterinya Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata menjadi tanggungjawab kementerian memastikan bajet berkenaan sampai ke golongan sasaran.

"Menerusi pangkalan data yang telah diwujudkan kementerian, bajet kali ini akan dipantau rapi bagi mengelak pembaziran apatah lagi peruntukan kali ini meningkat berbanding tahun lepas.

"Pangkalan data itu merekodkan segala perjalanan penggunaan peruntukan atas setiap projek yang diluluskan di bawah kementerian dan agensi-agensinya," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat kementerian di sini pada Khamis.

Dalam Bajet 2015 yang dibentangkan baru-baru ini, KKLW diperuntukkan RM4.5 bilion meningkat berbanding RM4.1 bilion pada Bajet 2014.

Selain itu, Mohd Shafie berkata meskipun pemberian projek dibuat secara sistem tender terbuka, kementerian tetap memantau untuk memastikan hanya syarikat berkelayakan memperolehnya.

"Kita tidak mahu ada projek terbengkalai, lambat siap atau siap tapi tidak sempurna," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1077151>